



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PERJANJIAN ATAU KONVENSYEN BERKAITAN ANGKASA DI BAWAH PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU

PUTRAJAYA, 7 Ogos 2022 – Bagi tujuan untuk melindungi dan menjaga keselamatan serta kedaulatan negara, sehingga kini, Malaysia **telah menandatangani dua (2) daripada lima (5) perjanjian atau konvensyen angkasa lepas antarabangsa berkaitan angkasa di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Manakala proses meratifikasi atau menganggotai kesemua perjanjian atau konvensyen tersebut sedang dipertimbangkan selaras kepentingan negara.** Berikut adalah senarai triti antarabangsa berkaitan angkasa dan status penyertaan Malaysia:

Bil.	Triti	Status Penyertaan Malaysia
1.	<i>Treaty on Principle Governing the Activities of States in the Exploration and Use of Outer Space, Including the Moon and Other Celestial Bodies, 1967. (OST 1967)</i>	Telah ditandatangani tetapi belum diratifikasi
2.	<i>Agreement on the Rescue of Astronauts, the Return of Astronauts and the Return of Objects Launched into Outer Space, 1968. (ARRA 1968)</i>	Telah ditandatangani tetapi belum diratifikasi

3.	<i>Convention on International Liability for Damage Caused by Space Objects, 1972. (LIAB 1972)</i>	Belum ditandatangani dan belum diratifikasi
4.	<i>Convention of Registration of Objects Launched into Outer Space, 1975. (REG 1975)</i>	Belum ditandatangani dan belum diratifikasi
5.	<i>Agreement Governing the Activities of State on the Moon and Other Celestial Bodies, 1979. (MOON 1979)</i>	Belum ditandatangani dan belum diratifikasi

Justeru, keanggotaan Malaysia dalam Pertubuhan *United Nation-Committee on the Peaceful Uses of Outer Space* (UNCOPUOS) sejak tahun 1994 menunjukkan komitmen negara untuk melaksanakan tanggungjawabnya dalam sektor angkasa di peringkat antarabangsa. Komitmen negara ini telah dibuktikan melalui pewartaan Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022 [Akta 834] pada 25 Januari 2022. Dengan adanya Akta 834 ini, membolehkan Kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mempertimbangkan tindakan yang perlu untuk meratifikasi kesemua perjanjian atau konvensyen antarabangsa berkaitan angkasa selaras keutamaan dan kepentingan negara.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

7 OGOS 2022